

Cemburu rakan berjaya

Siswi rendah diri menuntut di universiti tempatan

KAUNSELING REMAJA
Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
res.cas@uim.edu.my

? Saya siswi di sebuah universiti tempatan. Alhamdulillah, saya dapat meneruskan pengajian dalam bidang yang memang diminati di sebuah universiti pilihan saya.

Ramai daripada kalangan rakan sepejuangan saya ke luar negara bagi menyambung pelajaran mereka di sana. Universiti mereka juga hebat dan saya gembira.

Cuma kadangkala rasa cemburu itu datang, selain rasa rendah diri kerana rasa sangat tidak setanding dengan mereka.

Melihat perwatakan mereka yang lebih matang dan gaya pemikiran lebih luas selepas belajar di luar negara membuatkan rasa cemburu makin bertambah.

Mungkin saya hanya memandang mereka dari sudut bahagia saja tanpa mengambil kira kesusahan hidup yang terpaksa dihadapi di negara orang berbanding tinggal di negara sendiri.

Bantulah saya dengan memberi pendapat dan panduan agar saya dapat kembali keyakinan

diri dan membuktikan pada semua bahawa siswi keluaran universiti tempatan juga berkualiti, berketrampilan dan berdayasaing.

RENDAH DIRI,
Selangor

! **Tahniah** Dr ucapkan kerana adik mendapat tempat di universiti pilihan dan mengambil kursus diminati. Tidak semua orang bertuah seperti adik.

Apa yang dapat Dr katakan, belajar di luar negara atau di dalam negara mempunyai kelebihan masing-masing.

Walaupun adik melihat rakan adik lebih matang dan gaya pemikiran lebih tinggi, memang itu tidak dinafikan kerana pendedahan negara lain tidak sama dalam Malaysia.

Oleh itu, Dr sarankan adik tidak berasa rendah diri, tetapi jadikan peng-

alaman rakan itu sebagai satu ilmu tambahan.

Lakukan penukaran ilmu dan pemikiran. Di samping adik mempunyai ilmu di dalam negara, malah adik juga mempunyai rakan yang belajar di luar negara.

Tidak semua orang mempunyai rakan yang begitu. Keluar dari tembok rendah diri dan jadikan rakan sedemikian sebagai batu loncatan supaya adik juga boleh bersaing dan menjadi hebat seperti mereka.



Takut jadi seperti abang

? Saya sangat takut kerana sekarang menjadi harapan dalam keluarga. Saya sangat takut jika ada ketikanya saya mungkin akan mengecewakan mereka.

Saya bukanlah anak yang pertama yang kebiasaannya menjadi harapan emak dan ayah ataupun contoh kepada adik-beradik lain.

Tapi oleh kerana abang saya yang sulung sudah mengecewakan keluarga, sayalah yang menjadi harapan kepada mereka.

Ibu bapa saya sering memberitahu bahawa saya anak yang boleh diharapkan yang sering



menjadi penghibur serta pendengar masalah dan luahan hati keluarga.

Oleh kerana saya hanya insan biasa, saya khuatir satu hari atau paling tidak pun beberapa kali nanti saya juga akan menghampakan mereka dalam satu-satu hal.

Sekarang ini saya hanya terus berdoa supaya Allah menjaga diri saya agar selalu tetap menjadi harapan yang baik kepada keluarga di samping setiap hari cuba untuk memperbaiki diri.

Meskipun begitu, dengan harapan ini juga kadangkala ia seolah-olah menjadi satu beban dan memberi tekanan kepada diri saya.

Sebagai manusia, sudah tentu saya tidak mahu merasakan perasaan tertekan seperti ini. Saya takut tidak dapat menjadi anak yang

terbaik buat mereka.

Terkadang saya juga pernah berasa lemah dan hampir hilang semangat kerana memikirkan masalah ini. Harap saya boleh berterusan berjuang dan bersemangat dalam menjalani kehidupan, malah sentiasa menjadikan keadaan ini sebagai satu dorongan, bukan sebaliknya.

HARAPAN KELUARGA,
Kedah

! **Terima** kasih kepada adik yang sudi berkongsi apa yang terbuku di hati. Menjadi anak harapan keluarga adalah sangat membahagiakan kerana dapat membahagiakan orang tua.

Bagaimanapun, jika terlalu menjadi harapan, ia boleh menjadi beban kepa-

da adik kerana tidak tahu sama ada mampu atau tidak melaksanakan yang terbaik untuk keluarga.

Sesungguhnya adik, kita hanya merancang dan kepada Allah jua kita berserah kerana Dia memberikan yang terbaik kepada setiap hamba-Nya.

Adik mempunyai pemikiran yang matang dan mampu untuk memikirkan yang terbaik untuk keluarga kerana satu-satunya permata berharga buat mereka.

Berdoa adalah senjata Mukmin. Adik berdoalah tanpa jemu kepada Allah agar ditetapkan yang terbaik untuk adik. Sama ada baik atau buruk, itu jua yang terbaik yang sudah ditetapkan Allah.